

BSKL terus melonjak, dagangan hampir RM2b

UM - 4 JUL 2003

KUALA LUMPUR 3 Julai — Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) terus menyaksikan kenaikan mendadak ke tahap baru dengan jumlah dagangan melepasi satu bilion saham.

Indeks komposit BSKL kekal berada di atas paras 700 mata apabila ditutup pada 721.93 mata, naik 18.67 mata.

Jumlah dagangan pula bertambah kepada 1.067 bilion saham bernilai RM1.991 bilion berbanding 745.152 juta saham bernilai RM1.083 bilion semalam.

Para peniaga berkata, peningkatan itu disebabkan oleh permintaan yang tinggi daripada pelabur-pelabur institusi dan pelabur asing.

Serum

Mereka berkata, kedudukan mudah tunai yang tinggi di pasaran tempatan dan pengukuhan berterusan bursa-bursa utama asing menyumbang kepada lonjakan dalam harga saham di bursa tempatan.

"Jumlah dagangan hari ini menyamai ketika lonjakan saham atau *Bull-run* yang berlaku pada tahun 1993," kata seorang peniaga wakil peniaga AmSecurities Sdn. Bhd. Nazarry Rosli.

Beliau menyifatkan pasaran sekarang adalah masa yang tepat untuk melabur seperti kata seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dua minggu lalu.

"Sekarang adalah masa yang tepat dan pasaran kini berada di paras terendahnya," katanya.

■ Lihat muka 4

BSKL terus melonjak, dagangan hampir RM2b ✓

Nazarry berkata, industri berpandangan bahawa pasaran sedang cuba mengulangi peningkatan saham yang berlaku pada tahun 1993.

Para penganalisis menyatakan apa yang berlaku ini bertepatan dengan pusingan masa antara tujuh hingga 10 tahun untuk pasaran saham kembali pulih.

Beliau bagaimanapun, mengingatkan para pelabur supaya tidak terlalu ghairah kerana banyak faktor yang perlu dilihat dan dibuktikan sama ada pusingan berkenaan benar-benar akan berlaku.

"Pada masa yang sama para pelabur juga harus memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus kenaikan harga saham," kata Nazarry sambil menambah pelabur runcit yang merupakan kumpulan majoriti dalam pasaran masih belum memasuki pasaran sepenuhnya.

Sementara itu, seorang lagi penganalisis yang enggan dikenali berkata, kebanyakan pelabur pasaran terdiri daripada pelabur-pelabur institusi berdasarkan tumpuan yang diberikan kepada saham-saham mewah.

Di antara saham-saham menjadi tumpuan termasuk Malayan Banking, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Genting Bhd., kata beliau.

"Kebanyakan belian tertumpu kepada saham berkaitan indeks dan bilangan pelabur asing meningkat berbanding semalam ekoran daripada aliran peningkatan baru-baru dan kenaikan tinggi semalam," kata beliau.